

23 MAY 1997

Zahar-Sumpah

DATUK ABU ZAHAR ISNIN ANGKAT SUMPAAH KETUA MENTERI

MELAKA, 23 Mei (Bernama) -- Anggota Exco kerajaan negeri, Datuk Abu Zahar Isnin, 57, hari ini mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka yang kelapan di Istana Melaka di Ayer Keroh di sini.

Beliau menerima surat perlantikan daripada Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin pada kira-kira pukul 4.05 petang tadi.

Dalam ucapannya selepas mengangkat sumpah jawatan di hadapan Tun Syed Ahmad Shahabudin, beliau berkata perlintikannya sebagai Ketua Menteri merupakan satu amanah yang harus dipikul dengan penuh rasa insaf dan tanggungjawab.

Beliau dilantik bagi mengisi kekosongan jawatan itu selepas kematian allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani pada 14 Mei lepas akibat diserang angin ahmar.

Abu Zahar yang diumumkan menjawat jawatan itu berkuatkuasa hari ini oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Rabu turut dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Abu Zahar berkata, perlintikannya mencerminkan keyakinan pucuk pimpinan negara iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Keyakinan yang diberikan ini amatlah saya hargai dan sanjungi...saya berjanji untuk memberikan perkhidmatan terbaik dengan amanah dan penuh tanggungjawab,"

Beliau juga berjanji untuk mengamalkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah serta berkualiti bagi memajukan negeri supaya lebih gemilang dan cemerlang.

"Saya berikrar meneruskan pembangunan dan kemajuan yang telah dimulakan oleh pemimpin-pemimpin sebelum saya dan akan berusaha sedaya upaya merealisasikan matlamat wawasan menjadikan Melaka negeri maju,"

Cabaran tugas yang dihadapi adalah berat tetapi yakin ia dapat dilaksanakan dengan baik, adil dan sempurna dengan sokongan dan kerjasama semua pihak.

"Dengan sokongan dan kerjasama rakan-rakan dalam majlis mesyuarat kerajaan negeri, wakil rakyat, ketua, pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan, insyaallah Melaka akan terus cemerlang dalam semua sektor," katanya.

Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Merlimau itu juga merupakan Ketua Umno Bahagian Jasin sejak 1990 dan mengekalkan jawatan itu selepas dicabar bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba pada 1995.

Abu Zahar yang memperolehi 127 undi menewaskan Ghafar yang juga Ahli Parlimen Jasin apabila beliau hanya menerima 121 undi.

Beliau telah menjawat jawatan speaker selama dua penggal bermula 1986 sebelum dilantik sebagai anggota Exco dengan memegang portfolio Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam sejak pilihan raya umum lalu.

Abu Zahar menceburi politik sepenuh masa pada 1986 selepas bersara daripada jawatannya sebagai Ketua Penolong Pengarah Unit Pendaftaran Sekolah-sekolah negeri Melaka.

Beliau dan isteri Datin Khalijah Mohd Jiddi mempunyai enam orang anak, lima perempuan dan seorang lelaki. -- BERNAMA

MOZ MYD PR